

PERBARISAN SERAH TERIMA TUGAS KOMANDAN DAN PENGERUSI BAKAT KOLEJ TENTERA UDARA

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4634-perbarisan-serah-terima-tugas-komandan-dan-pengerusi-bakat-kolej-tentera-udara

ALOR SETAR, 9 Mac 19 - Brig Jen Dato' Johnny Loh Kok Kong TUDM secara rasmi telah menyerahkan tugas Komandan Kolej Tentera Udara kepada Brig Jen Dato' Muhammad Tarminzi bin Mustapha TUDM di satu perbarisan khas yang diadakan di Kolej Tentera Udara.

Beliau yang sebelum ini telah menyandang jawatan sebagai Komandan Kolej Tentera Udara sejak dari Mac 2015 telah menyerahkan jawatan tersebut kepada Komandan Kolej yang baru. Upacara ini telah disaksikan oleh Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Pendidikan dan Latihan Udara.

Manakala pada masa yang sama, turut berlangsung Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Bakat Kolej di antara Puan Suhaila binti Abu Bakar dan Datin Aida binti Ibrahim sebagai Pengerusi yang baru. Majlis ini telah disaksikan oleh Datin Bibi Nasrat Jahan binti Ghulab Khan, isteri kepada Panglima Pendidikan dan Latihan Udara.



